

# Najib, isteri lawat Dr Mahathir

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad, yang dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN), selepas serangan sakit jantung ringan, Khamis lalu, terus menerima kunjungan pemimpin negara, semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, mengunjungi bekas Perdana Menteri, kira-kira jam 11 pagi.

Ketika ditemui wartawan selepas itu, Najib memberitahu media, Dr Mahathir dilihatnya ceria dan riang, tetapi berdasarkan nasihat doktor perlu berada di IJN untuk tempoh sekurang-kurang seminggu lagi.

"Jika begitu keadaannya, saya nampak peluang untuk beliau menyertai Perhimpunan Agung Umno agak tipis," katanya.

Perkara ini diakui oleh anaknya, Datuk Mukhriz Mahathir, yang ditemui selepas mengiringi Najib, melawat bapanya.

Mukhriz berkata, doktor yang merawat bapanya menasihat supaya bekas Presiden Umno berada di IJN sekurang-kurangnya seminggu lagi untuk terus menerima rawatan dan berehat.

Walaupun kemungkinan besar tidak akan berada di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), katanya Dr Mahathir, bersemangat untuk mengikuti perkembangan perhimpunan agung parti secara dekat.

"Dalam wad ada televisyen. Jika perhimpunan agung disiarkan secara langsung, bolehlah dia (Dr Mahathir) menonton dalam biliknya," katanya.